

Headline	Pujuk mak nyah ke pangkal jalan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	34	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	425 cm ²
Journalist	Hasliza Hassan	AdValue	RM 14,389
Frequency	Daily	PR Value	RM 43,166



Pujuk mak nyah ke pangkal jalan

JAKIM bimbing, pupuk kesedaran kesilapan pilih kehidupan songsang



HASLIZA HASSAN

hasliza@bharian.com.my

Istiqamah adalah kata kunci jika ingin memastikan kejayaan berpanjangan serta mencapai matlamat. Disebabkan itu, Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti (KSK) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) tidak pernah 'penat' untuk mendekati golongan mak nyah atau pondan.

Malah, kesediaan golongan berkenaan menyambut tangan yang dihulurkan KSK JAKIM memudahkan proses mendekati serta membimbing mereka kembali kepada ajaran agama secara berperingkat dan berterusan.

Ketua Penolong Pengarah Kanan KSK JAKIM, Zakuan Sawai, berkata masyarakat tidak layak menghukum golongan mak nyah atau pondan sebaliknya bertanggungjawab menyedarkan mereka mengenai kesilapan dilakukan.

Katanya, kebanyakan mereka terperangkap dalam situasi yang mendorong mereka memilih cara hidup songsang yang memusnahkan keelakian dan menjalani kehidupan sebagai perempuan.

Gaya kalahkan wanita sejati

"Kehadiran mereka di khalayak sering menarik perhatian dengan gaya lemah lembut, seksi dan suka melaram mengalahkan wanita sejati. Namun, tidak kurang yang memandang benci kumpulan ini hingga menimbulkan persepsi negatif.

"JAKIM mengambil pendekatan memujuk mereka tanpa perasaan sangsi dan stigma kerana sebagai manusia siapalah kita untuk menentukan dosa, pahala, syurga atau neraka. Tetapi kita perlu mengeluarkan mereka daripada dunia khayalan," katanya.

Berikutan itu katanya, program Mukhayyam (perkhemahan) pada 2011 diteruskan dan sebagai memenuhi permintaan komuniti mak nyah sendiri, JAKIM dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) dan Kementerian Kesihatan Malaysia mengadakan Program Perkhemahan Muhibbah 2013.

Program tiga hari bermula 27 Februari lalu bertempat di Jerejak Rainforest Pulau Pinang, mendedahkan peserta kepada isu masyarakat, perkembangan semasa, mengenai kematian serta riadah termasuk jalan malam (meredah hutan).

Program ini adalah kesinambungan daripada program Mukhayyam untuk mak nyah anjuran KSK JAKIM bertujuan membantu golongan mak nyah membina semangat baru untuk membina masa depan positif dari aspek peluang pekerjaan, bimbingan kerohanian, penerimaan masyarakat dan mengawal penularan HIV/AIDS dalam kalangan transgender.

Program Mukhayyam

Program Mukhayyam yang pertama diadakan di Jelevu, Negeri Sembilan, pada Mac 2011. Berdasarkan perkembangan positif daripada peserta, program berkenaan berjaya membina semangat baru dalam kalangan mak nyah untuk melihat masa depan secara positif.

Zakuan berkata, pendekatan tauhid seperti mengenal diri dan mengenal Maha Pencipta adalah elemen penting sepanjang pengisian program kerana apabila manusia memahami kedudukan serta tanggungjawab, barulah mereka dapat merasai erti kehidupan yang mengikut syariat.

Bukan sekadar golongan tertentu

Katanya, proses itu sebenarnya perlu dilalui semua umat Islam bukan golongan tertentu saja kerana sebagai khali-fah Allah, mereka mempunyai tugas serta amanah yang perlu dilaksanakan demi mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

"Apabila kita muhasabah diri dan sedar di mana kedudukan kita, maka akan timbul keinsafan. Itulah yang dirasakan peserta yang menghayati pengisian program diadakan ini hingga ramai mengalirkan air mata.

"Ternyata mereka memerlukan keprihatinan masyarakat untuk menjalani kehidupan. Memang hidayah daripada

Headline	Pujuk mak nyah ke pangkal jalan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	34	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	425 cm ²
Journalist	Hasliza Hassan	AdValue	RM 14,389
Frequency	Daily	PR Value	RM 43,166

Allah tetapi kita boleh berusaha membimbing dan menunjukkan jalan kepada mereka," katanya.

Beliau berkata, bukan mudah untuk golongan berkenaan mengubah gaya kehidupan tetapi semangat juang yang ditunjukkan walaupun menyedari cabaran terpaksa dihadapi khususnya membabitkan persepsi masyarakat, golongan itu tetap berusaha.

Justeru, beliau meminta semua pihak supaya mengikis stigma berkaitan mak nyah dan mengelak diskriminasi terhadap mereka sebaliknya memberi ruang untuk memudahkan proses mengajak mereka melakukan perubahan ke arah kehidupan lebih baik.

*Antara perisian
Program
Perkemahan
Muhibbah
2013 yang
berlangsung
selama tiga
hari di Jerejak
Rainforest
Pulau Pinang.*

